



Putrajaya
perintis 5G



PPA Pudina bagi
'bom jangka'



FRP2019 musim
ketujuh sasar 1.5
juta pengunjung



Usaha bela golongan B40 antara program tumpuan atasi kemiskinan bandar di Wilayah Persekutuan

Enam kejayaan penuhi janji manifesto

KHALID Abdul Samad menggariskan sekurang-kurangnya enam kejayaan dicapai sepanjang beliau menerajui Kementerian Wilayah Persekutuan sejak kerajaan Pakatan Harapan (PH) memerintah setahun lalu sekali gus memenuhi janji-janji manifesto Pilihan Raya Umum ke-14.

Kejayaan paling besar ialah mewujudkan Majlis Mesyuarat Menteri yang berhasil meningkatkan amalan demokrasi melalui penglibatan 11 Ahli Parlimen.

Pentadbirannya juga berjaya mengkaji semula 97 transaksi penjualan tanah kepada pelbagai syarikat hingga membolehkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperoleh pendapatan tambahan dalam bentuk tunai dan nilai tanah yang dikembalikan sebanyak RM481 juta melalui rundingan semula.



Mike hampir menitis air mata terima kunci rumah

KUALA LUMPUR - Juara dunia bina badan kategori fizik tiga kali berturut-turut, Mohd. Syarul Azman Mahen Abdullah atau lebih dikenali sebagai Mike hampir menitis air mata apabila akhirnya menerima kunci pangapuri hasil usaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan syarikat Aset Kayamas Sdn. Bhd.

Menurut Mike, dia tidak mampu meluahkan kata-kata apabila kesusahannya mendapat perhatian daripada pihak kerajaan.

"Sebelum ini, segala usaha saya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa di pandang sepi. Selepas ini, saya hanya perlu

fokus pada pencapaian yang lebih gemilang lagi dalam arena sukan," ujarnya.

Atlet berusia 45 tahun itu turut berharap agar pihak kerajaan mempertimbangkan untuk memberi elaun kepada juara dunia seperti mereka walaupun mereka tidak berada dalam program Podium.

Rumah berkeluasan 800 kaki persegi dengan tiga buah bilik tidur di Residensi Jalilmas, Bukit Jalil di sini itu turut diubahsuai selain dilengkapi perabot dan barangan elektrik bernilai RM30,000.

Mike dijangka berpindah masuk dalam tempoh dua minggu lagi. Dengan hadiah tersebut, ia mem-

bolehkannya menjalani hidup yang lebih selesa berbanding sebelum ini.

"Bantuan ini memudahkan saya menyediakan diet seimbang di mana saya boleh memasak sendiri, boleh berehat dengan tenang di rumah sendiri lebih-lebih lagi selepas penat menjalani latihan," katanya yang akan menyertai dua kejohanan besar tahun ini.

Majlis penyerahan kunci rumah itu disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad. Turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan pengasas Aset Kayamas, Datuk Chai Kin Kong.



MIKE (kanan) menerima kunci rumah daripada Khalid (dua dari kanan) sambil disaksikan Syed Saddiq di Residensi Jalilmas, Bukit Jalil baru-baru ini.

Tubuh Majlis Mesyuarat Menteri kejayaan terbesar KWP Iktiraf peranan Ahli Parlimen di Kuala Lumpur

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA - Kementerian Wilayah Persekutuan mencatat enam kejayaan besar sepanjang tempoh 11 bulan pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan (PH) sejak 9 Mei tahun lalu.

Menterinya, Khalid Abd. Samad berkata, kejayaan tersebut berjaya dicapai setelah pihak kementerian berusaha untuk menunaikan janji seperti terkandung dalam manifesto PH pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Sejak mengambil alih pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan setahun lalu, banyak pencapaian membanggakan dan kejayaan paling besar bagi saya adalah mempertingkatkan mutu demokrasi di Kuala Lumpur dengan menubuhkan Majlis Mesyuarat Menteri.

"Majlis ini dipengerusikan Menteri Wilayah Persekutuan manakala anggotanya adalah semua 11 Ahli Parlimen di Kuala Lumpur," katanya kepada pemberita sempena setahun pentadbiran kerajaan PH di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Khalid berkata, majlis tersebut bermesyuarat dua bulan sekali atau apabila diminta

oleh sekurang-kurangnya enam daripada 11 Ahli Parlimen dengan sehingga kini ia telah bermesyuarat sebanyak empat kali.

"Penubuhan majlis ini adalah satu usaha untuk mengiktiraf peranan wakil yang dipilih oleh rakyat yang selama ini terpinggir daripada pentadbiran bandar raya Kuala Lumpur," katanya.

Jelas Khalid lagi, Mesyuarat Majlis Menteri hampir mendekati konsep pilihan raya kerajaan tempatan.



KHALID

Khalid berkata, kejayaan lain adalahewartakan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2020 pada Oktober lepas.

"Ia adalah yang pertama kali dilakukan oleh DBKL. Langkah itu bertujuan untuk mengawal pembangunan di Kuala Lumpur agar selari dengan Plan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang telah diwartakan.

"Persiapan dan kerja-kerja perundingan sedang dijalankan untuk menyiapkan Pelan KL 2040 dan selepas itu diwartakan menjelang akhir tahun 2020," katanya.

Selain itu, kata beliau, kementerian mengkaji semula transaksi tanah di ibu kota hingga berjaya memberikan keuntungan sebanyak RM481 juta kepada kerajaan.

"Antara langkah awal yang kami lakukan



DBKL berjaya melakukan penjimatan RM481 juta apabila merundingkan semula 97 transaksi penjualan tanah di ibu kota. - Gambar hiasan

apabila menjadi kerajaan adalah mengkaji semula 97 transaksi tanah kepada pelbagai syarikat di Kuala Lumpur. Sebelum itu,

pelbagai laporan telah dibuat kepada SPRM mengenainya," katanya.

Selain itu, Khalid turut berkata, pihaknya memberi tumpuan untuk menyelesaikan projek Taman Rimba Kiara bagi membolehkan hampir 100 keluarga yang mendiami rumah panjang sementara di situ mendapat rumah kekal sebagaimana yang dijanjikan kerajaan sejak 36 tahun lalu.

"Apa yang kami buat adalah merundingkan semula projek ini dengan pemaju dan pihak-pihak terlibat. Pemaju telah bersetuju untuk menurunkan keluasan tanah yang diambil dari 12 ekar kepada lapan ekar. Memandangkan berlaku pertikaian lagi, perkara ini akan dibawa kepada Kabinet untuk diselesaikan," katanya.

Menurutnya lagi, pihaknya turut memberikan penumpuan untuk mengurangkan kesesakan jalan raya di ibu kota.

"Sebagai usaha awal, DBKL telah membelanjakan RM20 juta untuk menyelenggarakan laluan bas percuma GO KL untuk menggalakkan pengguna jalan raya di KL menggunakan kenderaan awam.

Menurut Khalid, pihaknya juga tidak sesekali akan mengingirkan kebajikan untuk golongan B40 dengan meningkatkan program kebajikan khasnya dalam kalangan golongan miskin bandar.

PUTRAJAYA - Perbadanan Putrajaya (PPJ) giat melaksanakan persediaan untuk menggunakan teknologi mudah alih generasi kelima (5G) seperti yang diumumkan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Gobind Singh Deo di sini baru-baru ini.

Menurut Presiden PPJ, Datuk Dr. Aminuddin Hassan, pihaknya telah melakukan persediaan sejak November lalu dengan menubuhkan unit bandar pintar atau Smart City.

"Unit smart city telah ditu-



AMINUDDIN

Putrajaya perintis laksana teknologi 5G

buhkan dan kini PPJ sedang membuat persiapan untuk teknologi 5G," katanya kepada Wilayahku selepas merasmikan pra pelancaran Putrajaya International Islamic Festival (PIIACUF) 2019 di Lobi Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya baru-baru ini.

Baru-baru ini Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika merasmikan Pameran 5G Malaysia

yakin Malaysia mampu mendapat manfaat teknologi 5G dalam tempoh tiga tahun lagi. Pada masa ini Putrajaya dan Cyberjaya merupakan perintis penggunaan teknologi berkenaan.

Aminuddin berkata, pihaknya telah mewujudkan 'task force' sejak bulan November 2018 lagi dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan beberapa kementerian berkaitan.

"Kami memberikan fokus kepada elemen keselamatan dan kesejahteraan

bandar pintar dan e-mobility selain mempunyai Putrajaya Command Centre (PCC) dengan kemudahan yang moden.

"Fasiliti tersebut termasuk 250 unit kamera televisyen tertutup (CCTV) beresolusi tinggi dan pada penghujung tahun ini, ia akan ditambah menjadikannya kepada 500 unit," katanya.

Katanya, CCTV tersebut adalah bagi memantau keselamatan atau memaklumkan kejadian tertentu

seperti keadaan lalu lintas, bencana alam dan memantau keadaan Tasik Putrajaya.

Menurut Aminuddin lagi, pihaknya turut bertanggungjawab terhadap 24 kementerian yang beroperasi di Putrajaya dengan elemen bangunan pintar seperti memantau tahap pencapaian setiap bangunan.

Dalam pada itu, jelas beliau, pihaknya sedang berusaha melaksanakan sistem e-mobility sepanjang boulevard yang mempunyai jarak sepanjang 5 kilometer.

HADIAH UTAMA
RM300,000!*

*Tartatukuk nepasta
berma dan ywarat

Anda hanya perlu mencari **5 nama negeri** di Malaysia yang tersorok secara melintang atau mendatar. **Berikan jawapan anda** melalui kupon di bawah atau hubungi kami untuk **berpeluang memenangi**

Hadiah Utama RM150,000

RM300,000!

... DAN ANDA MUNGKIN AKAN MENJADI PEMENANG BERTUAH KAMI!



Kamara Zamah El-Hanarah- Freezing Machine
Ummu Kamara Kumbilambela



Terima Katalog
TERBARU
"Best Products"

Berilah jawapan anda dalam tempoh 10 hari!

**Telefon sekarang untuk merebut peluang
memenangkan hadiah-hadiah ditawarkan:**

☎ 03-2716 6363

Setiap hari dari jam 8 pagi hingga 7 petang.

Q	S	A	B	A	H	M
K	A	P	P	S	E	E
A	P	O	E	I	D	L
S	I	P	R	D	A	A
P	A	H	A	N	G	K
B	E	R	K	U	G	A
S	A	R	A	W	A	K

ISI BORANG DAN HANTARKAN KEPADA:
BEST PRODUCTS, P.O. BOX 12368, 50776 KUALA LUMPUR

**KUPON
PENYERTAAN**

☐ Ya, saya menjumpai 5 nama negeri di Malaysia: 1) PAHANG
2) _____ 3) _____
4) _____ 5) _____

☐ **Ya**, saya ingin menjadi RM300,000.00 lebih kaya.

☐ Ya, saya ingin menerima katalog Best Products untuk berpeluang memenangkan hadiah ini.

Na. Acc: 3.7585.250419-4.7.1

Nama Penuh:

Jantina: ☐ Lelaki ☐ Perempuan Tarikh Lahir: / /

Alamat:

Poskod: | | | | | Bandar: _____

Nombor Telefon: Rumah: | | | | | | | | | |

Birabit: | | | | | | | | | |

Email: 2015-2016@univie.ac.at

Tandatangan: _____

[illegible]